

SULIT

NAMA:..... TINGKATAN :.....

1103/1

BAHASA MELAYU 1

2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

Kertas 1

(Dua jam)

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
 2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

BAHAGIAN A
[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

*Bahan dan maklumat di bawah berkaitan **penerapan nilai-nilai murni**.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **penerapan nilai-nilai murni**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*



Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu dalam hubungan sesama manusia, alam dan tuhan.

Sumber: Internet



Sumber : Internet



Terap nilai murni dalam sistem pendidikan

KUALA LUMPUR : Didikan nilai-nilai murni perlu diberi perhatian di peringkat sekolah sejak peringkat tadika hingga ke universiti, kata Perdana Menteri Malaysia.

Sumber : myMetro



BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Masalah sosial dalam kalangan remaja perlu dipandang serius kerana mereka merupakan tonggak negara untuk menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Lantaran perkembangan dunia yang semakin pesat membangun ini menawarkan pelbagai kemudahan media sosial di hujung jari yang sering kali disalahgunakan oleh golongan remaja. Tidak dinafikan juga, golongan remaja sangat rapat dengan rakan sebaya mereka berbanding dengan ibu bapa masa ini yang mengabaikan pendidikan agama anak-anak mereka.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan petikan, tuliskan sebuah syarahan yang bertajuk punca-punca berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja.

- 2 Umum mengetahui sektor pertanian negara merupakan salah satu penyumbang dalam pembangunan ekonomi negara kita. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke luar negara melalui kerjasama dengan agensi pemasaran antarabangsa. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) juga menggunakan platform digital dan media sosial untuk mempromosikan hasil pertanian Malaysia. Selain usaha kerajaan yang jitu, para pengusaha Malaysia juga turut menyertai pameran antarabangsa.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menerangkan usaha-usaha pelbagai pihak untuk memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke luar negara.

Bincangkan.

3

Tiadalah makna terlupa joran,
Umpan dibawa memancing ikan;
Penuhi industri dan pasaran,
Peranan pekerja kepada majikan.

Berdasarkan pantun di atas, huraikan persediaan-persediaan murid untuk menghadapi alam pekerjaan.

4

Kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai akan mula cakna mengenainya hanya menjelang tarikh penting tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Oleh itu, matlamat pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah diharapkan dapat memupuk semangat kesetiaan kepada negara.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Siswa bil.09/2019

Sebagai respons terhadap kepentingan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan lain mempelajari mata pelajaran Sejarah dalam kalangan masyarakat.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT